



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkit



smartpj

BIL. 6/2019

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA



Berita Penuh MS. 3

MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MBPJ MERIAH



» PENGLIBATAN KOMUNITI PETALING JAYA

Tarikh istimewa bagi Petaling Jaya yang kini telah memasuki tahun ke-13 berstatus bandar raya. Pelbagai cabaran dan rintangan diharungi demi menyediakan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

Berita Penuh MS. 05



» ROAD MAP TOWARDS ZERO SINGLE USE PLASTIC

Menggariskan pentingnya Program Communication, Education and Public Awareness (CEPA) diadakan termasuk skim insentif dan hebahan kepada orang awam untuk mengurangkan penggunaan plastik dalam pembungkusan dan minuman.

Berita Penuh MS. 06



Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcitycouncil pjkit smartpj

PENAUUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT
Johary Bin Anuar
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Muhamed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shah Bin Badlishah
Ainur Khairunnisa Binti Zulkifli

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Shamsul Bahrin Bin Abdul Mutalib
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
Fax : 03-7958 2695 Email : media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Johary Bin Anuar
Timbalan Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

TPr. Hjh. Sharipah Marhaini Binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur A/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Zuraidah Binti Sainan
Pengarah,
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8906

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura Binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari Bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza Binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida Binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0130

Norzita Binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi A/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

MEMPERKASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI



Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, elemen integriti perlu diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, bertanggungjawab, berintegriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk suasana berpasukan yang membudayakan mutu kerja yang berprestasi tinggi.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis berterusan meningkatkan kualiti perkhidmatan penyampaian kepada masyarakat. Pelbagai infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam telah dan sedang giat dibangunkan demi kemudahan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemaskini.

Majlis komited menangani aduan awam dan akan terus dijadikan salah satu agenda utama tadbir urus Majlis. Perkhidmatan yang cekap, cepat dan betul amat penting untuk kesejahteraan rakyat, khususnya warga bandar raya Petaling Jaya.

Mendepani cabaran melaksanakan tanggungjawab dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan yang menjurus kepada keselesaan dan kepuasan hati pelanggan, warga kerja Majlis perlu terus menerus bersikap profesional dalam merealisasikan ekspektasi masyarakat.

Pelaksanaan tugas PBT bergantung kepada sumber yang sedia ada. Justeru, setiap isu dan masalah perlu diberi perhatian serius bagi memastikan semua peruntukan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan penuh sistematik.



MAJLIS RUMAH TERBUKA *Aidilfitri* MBPJ

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Datuk Bandar, Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar dan Ahli-ahli Majlis bergambar bersama tetamu yang hadir di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MBPJ.

Bersempena bulan Syawal yang mulia, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan sambutan hari raya dengan menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri di Stadium Petaling Jaya, Jalan SS7/15, Kelana Jaya pada 20 Jun 2019.

Penganjuran rumah terbuka ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara Majlis dan masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya. Selain itu, amalan rumah terbuka ini telah menjadi sinonim dalam kehidupan masyarakat di Malaysia dan telah menjadi simbolik dalam mengeratkan perpaduan antara kaum.

MBPJ turut menyampaikan hadiah berbentuk wang tunai RM 500.00 kepada 10 pemenang bazar Ramadan tahun 2019. Para pemenang turut diberikan kelebihan untuk memilih petak bazar Ramadan pada tahun 2020 tanpa melalui peringkat saringan sekiranya membuat permohonan untuk berniaga. Pemenang dipilih berdasarkan pematuan syarat lesen yang ditetapkan oleh Majlis.

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar. Beliau turut ditemani Timbalan Datuk Bandar, Tuan Johary bin Anuar yang juga menyampaikan duit raya kepada lebih 150 kanak-kanak sempena majlis rumah terbuka itu.

Sambutan rumah terbuka kali ini disambut meriah dengan dihadiri lebih 5,000 pengunjung menikmati pelbagai juadah raya. Selain itu, sambutan hari raya turut diserikan dengan persembahan artis tempatan seperti Floor 88, Indah Ruhaila, Ezad Lazim serta persembahan kombo dan artis budaya MBPJ.

Hadir memeriahkan majlis, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya serta Exco Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dan para pegawai.

Yang Berhormat Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya turut menyempurnakan acara memotong kek sempena sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya ke-13.



Skuad Pantas antara gerai juadah yang menyediakan air minuman Rumah Terbuka Aidilfitri MBPJ 2019.



Suasana Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MBPJ, tetamu yang datang memeriahkan majlis.



Floor 88 antara artis yang memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MBPJ 2019.

PROGRAM BELIA RAIKAN WARGA EMAS



PETALING JAYA HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

SUNGAI BULOH, 19 JUN – Majlis melalui Bahagian Khidmat Komuniti dan Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program belia raikan warga emas sempena sambutan hari raya yang diadakan di Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh.

Program ini turut mendapat kerjasama pusat aktiviti warga emas, Kolej Vision dan Antarabangsa Inovatif.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya seperti jamuan hari raya, persembahan nyanyian dan hiburan oleh pelajar kolej, permainan teka kuih dan lagu raya serta cabutan bertuah.



PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

KEMPEN BAYARAN KOMPAUN

Bersempena dengan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya pada tahun ini, Majlis mengadakan kempen bayaran kompaun tertunggak dan kompaun semasa bagi kesalahan lalulintas sahaja yang akan berakhir pada 30 Jun 2019.

Namun, berdasarkan kepada sambutan orang awam, Majlis akan menyambung kempen bayaran kompaun ini sehingga 31 Ogos 2019 bersempena dengan bulan kemerdekaan selain memberi peluang dan ruang kepada orang awam untuk membuat bayaran bagi kompaun- kompaun tertunggak dengan kadar yang minimum.

Untuk semakan kompaun, orang awam boleh hadir ke tingkat 2 Menara MBPJ, memuat turun aplikasi pintar *Smart PJ Enforcement* atau menghubungi talian 03 7958 8085 sambungan 125/126.

SEPANJANG
1 JUN 2019
HINGGA
31 OGOS 2019



KEMPEN BAYARAN KOMPAUN KESALAHAN LALULINTAS SAHAJA

Hubungi : Majlis Bandaraya Petaling Jaya. No. Tel : 03-7956 3544

Untuk Semakan :

JABATAN PENGUATKUASAAN. No. Tel : 03-7958 8085
atau muat turun aplikasi Smart PJ Enforcement melalui
Google Playstore dan layari laman sesawang MBPJ,
www.mbpj.gov.my

REBUTLAH PELUANG UNTUK MEMBAYAR KOMPAUN TERTUNGGAK ANDA

TAHUN KESALAHAN 1999 - 2016

JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN
LALULINTAS	RM100.00	RM10.00
LETAK KERETA	RM100.00	RM10.00

TAHUN KESALAHAN 2017 - 2018

JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN
LALULINTAS	RM100.00	RM20.00
LETAK KERETA	RM100.00	RM20.00

TAHUN KESALAHAN 2019

JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN
LALULINTAS	RM100.00	RM30.00
LETAK KERETA	RM100.00	RM30.00



Pemberian baja kompos secara percuma di Smart PJ Waste Solution Lab SS2, Jalan SS2/63.

PENGLIBATAN KOMUNITI PETALING JAYA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Tarikh 20 Jun, merupakan tarikh istimewa bagi Petaling Jaya yang kini telah memasuki tahun ke-13 berstatus bandar raya. Pelbagai cabaran dan rintangan diharungi demi menyediakan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi keperluan penduduk setempat. Misi Majlis amat jelas dalam memastikan bandar raya Petaling Jaya sentiasa terus ke hadapan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang walaupun sedang menghadapi cabaran ekonomi yang tidak menentu.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sememangnya komited dalam memberi yang terbaik buat penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu ini tidak terhad kepada satu golongan sahaja malah Majlis mengharapkan penglibatan keseluruhan masyarakat berbilang bangsa daripada golongan muda, veteran, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kanak-kanak agar dapat merasai keunikan, pengalaman dan kemudahan yang disediakan semasa penganjuran program dan aktiviti.

Sehubungan itu, bagi menghargai penglibatan masyarakat setempat yang selama ini menyokong dasar-dasar dan memberi idea-idea penambahbaikan pembangunan bandar raya Petaling Jaya, Majlis telah menganjurkan kempen Perkhidmatan Percuma kepada penduduk Petaling Jaya pada tarikh 20 Jun 2019 sempena Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya yang ke-13.

PERKHIDMATAN PERCUMA
20 JUN 2019

PENGUNAAN KOLAM RENANG 9.00 PAGI - 9.00 MALAM GELANGGANG SUKAN 8.00 PAGI - 11.00 MALAM PADANG 9.00 PAGI - 5.00 PETANG TERHAD KEPADA PENGGUNAAN SATU SESI SAHAJA (2 JAM) PEMBERIAN BAJA KOMPOS 130 BOTOL PUSAT SMART PJ WASTE SOLUTION LAB SS2, JALAN SS2/63 ANAK POKOK 9.00 PAGI - 4.00 PETANG 1,000 ANAK POKOK TAPAK SEMAIAN KELANA, JAYA, PETALING JAYA	KEAHLIAN PERPUSTAKAAN KOMUNITI MBPJ PERCUMA 9.30 PAGI - 5.00 PETANG TERBUKA KEPADA SEMUA WARGANEGARA MALAYSIA BIL UTILITI (BIL AIR / ELEKTRIK) TERHAD KEPADA 300 PENDAFTARAN TERAWAL KEMPEN PENGURANGAN KOMPAUN LALU LINTAS 1 JUN - 30 JUN 2019 KUTIPAN SAMPAH PUKAL PERCUMA 50 BUAH RUMAH TERAWAL 20 JUN - 21 JUN 2019 HUBUNGI 03-7954 1440 JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
--	--



Pendaftaran keahlian Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya secara percuma, terhad 300 pendaftaran terawal.



Pemberian 1,000 anak pokok percuma mendapat sambutan penduduk Petaling Jaya.



Kolam renang terhad kepada penggunaan satu sesi selama 2 jam sahaja bermula 9.00 pagi sehingga 9.00 malam.



Kemudahan gelanggang sukan terhad kepada penggunaan satu sesi selama 2 jam sahaja bermula 8.00 pagi sehingga 11.00 malam.

ROAD MAP TOWARDS ZERO SINGLE USE PLASTIC

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Kerajaan Persekutuan telah melancarkan *Road Map Towards Zero Single Use Plastic* 2018-2030 pada Oktober 2018 yang lalu. Melalui pelancaran *Road Map* ini, antara lain adalah menggariskan pentingnya program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) diadakan termasuk skim insentif dan hebahan kepada orang awam untuk mengurangkan penggunaan plastik dalam pembungkusan dan minuman. Pada tahun 2019, terdapat 4 tindakan yang berkait secara langsung dengan PBT yang telah disyorkan, iaitu:

- ▶ Memastikan amalan tanpa penyedut minuman plastik (straw) jika tidak diminta oleh pelanggan dilaksanakan di premis makanan.
- ▶ Penggunaan beg kebolehan-komposan secara biologi bagi tujuan kutipan sampah kebun oleh semua PBT.
- ▶ Kempen menggalakkan pelanggan membawa bersama bekas membungkus makanan berlabel ECO001 dan ECO009 untuk menggantikan polistirena dan plastik.
- ▶ Kerajaan Negeri mengenakan caj pencemaran sebanyak 20 sen ke atas plastik menjelang tahun 2021.

Selaras ini, Majlis turut mengadakan kempen Bebas Plastik dan larangan penggunaan polistirena selari dengan dasar Kerajaan Negeri. Di samping itu juga, kempen penggunaan kotak biodegradasi telah dilaksanakan di bazar Ramadan sejak 2018 dan penggunaan straw kertas pada tahun ini.

Objektif kempen adalah untuk menterjemahkan tindakan *Road Map* di peringkat Majlis dengan visi mencapai Plastik Guna Sekali Sifar menjelang tahun 2030. Cadangan kempen meliputi 2 komponen utama, iaitu:

- ▶ Program CEPA (Communication, Education and Public Awareness)
- ▶ Pelaksanaan menerusi tindakan perancangan, perlesenan, penguatkuasaan dan instrumen ekonomi.

Kedua-dua program ini diberi keutamaan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam. Paparan visual kempen bebas plastik seperti di dalam medium digital, *billboard* digital, laman sesawang dan bahan-bahan penerbitan akan menjadi penghubung dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam. Selain itu, penganjuran kempen dan pertandingan seperti 'Say No To Plastic' antara Jabatan/Bahagian juga akan diperkenalkan di MBPJ. Satu sudut kongsi bekas (Shared Ta Pao Corner) dilengkapi dengan set bekas dan botol air guna semula akan diwujudkan di setiap Jabatan/Bahagian untuk kegunaan kakitangan bagi tujuan membeli makanan atau minuman dari luar. Konsep seumpama ini sebenarnya telah terbukti berjaya di luar negara di bawah konsep 'Sharing Economy'.

Majlis akan mengenakan syarat melarang penggunaan polistirena dan plastik sekali guna termasuk straw. Pelaksanaan syarat ini akan dimasukkan ke dalam terma penyewaan petak gerai di medan selera dan pasar milikan Majlis. Pelaksanaan ini juga akan diguna pakai ke atas pembekal sajian makanan termasuk di kafeteria Majlis yang membekalkan sajian makanan untuk sebarang mesyuarat atau program rasmi Majlis. Kafeteria Majlis dan mesin *vending* di premis Majlis juga tidak akan dibenarkan untuk menjual minuman berbotol plastik sekali

guna ataupun sediakan beg plastik guna sekali untuk pembungkusan. Syarat larangan penggunaan polistirena dan plastik sekali guna turut akan dimasukkan sebagai syarat lesen perniagaan. Syarat melarang penggunaan polistirena dan plastik sekali guna ke atas semua permohonan yang menyewa menggunakan kemudahan Majlis seperti penggunaan Dewan Sivik, dewan serbaguna, gelanggang sukan, taman, perpustakaan dan lain-lain kemudahan. Deposit akan digunakan supaya pematuhan syarat dilaksanakan.

Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pelanggaran syarat penyewaan kelulusan pemajuan dan pelesenan. Satu sistem pemarkahan demerit dirangka bagi tahun pertama disusuli dengan hukuman kompaun pada tahun kedua dan seterusnya tindakan menghentikan kerja ataupun perniagaan serta sitaan bangunan diambil.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyokong penuh hasrat dan saranan Kerajaan Negeri menguatkuasakan melarang semua premis makanan di Selangor untuk menyediakan penyedut minuman plastik (straw) kepada pelanggan bermula 1 Julai 2019. Selain mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dalam penggunaan plastik, penguatkuasaan ini juga selari dan selaras dengan Kempen Bebas Plastik yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan penggunaan barangan plastik seperti polistirena, beg plastik serta bahan-bahan plastik pakai buang yang lain. Pelaksanaan larangan ini juga dilihat dapat mengawal pencemaran alam sekitar di samping menggalakkan usaha kitar semula.



PEMANTAUAN PREMIS MAKANAN

PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

Sehingga Mei 2019, sebanyak 545 premis makanan telah di periksa. Penguatkuasaan ke atas premis makanan yang telah dilakukan adalah sebanyak 658 kompaun telah dikeluarkan dan 84 premis telah diarahkan tutup di bawah UUK *Estabilisymen* Makanan (MBPJ) 2007.

Manakala sebanyak 344 pemeriksaan ke atas premis makanan 24 dilakukan. 76.5% premis ini patuh kepada arahan penutupan pembersihan 2 jam dan sebanyak 138 kompaun atas pelbagai kesalahan telah dikeluarkan.

*Penguatkuasaan ke atas premis makanan yang telah dilakukan adalah sebanyak 658 kompaun telah di dikeluarkan dan 84 premis telah diarahkan tutup di bawah UUK *Estabilisymen* Makanan (MBPJ) 2007.*



KES DENGGI DI PETALING JAYA

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 24 adalah sejumlah 3,251 kes demam denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 301 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 1,077 kes. Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling.

Tiada kes kematian dilaporkan. Lokaliti wabak *hotspot* yang aktif dilaporkan sehingga minggu epid 20 (15/6/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 16 lokaliti, manakala *hotspot* terkini dilaporkan pada minggu epid 25 (21/6/2019) sebanyak 16 lokaliti wabak yang dilaporkan.

KAWASAN WABAK DENGGI

MAUT

JAGALAH KEBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN ANDA
KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA
Musnahkan Tempat-tempat Pembiakan
Nyamuk Aedes

Bersamalah Dengan MBPJ
Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes



Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939



MEMPERKASA DAYA **KREATIF** DAN **INOVASI**

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Perkembangan dan kemajuan sesebuah organisasi dalam mengurus dan mentadbir urus dilihat banyak bergantung kepada beberapa faktor antara lain seperti strategi, struktur dan budaya organisasi berkenaan. Strategi dalam konteks inovasi adalah mencari kaedah dan cara terbaik bagi mencapai matlamat organisasi.

Melaluinya juga, usaha memperkasakan daya kreativiti dan inovasi boleh diterapkan dalam kalangan pekerja agar setiap pekerja berkemahiran dalam menjana idea-idea dan kaedah-kaedah baru yang bersesuaian dengan matlamat dan kehendak sesebuah organisasi.

kakitangan awam. Pemahaman dan penekanan daya kreativiti di peringkat nasional mahupun global amat penting kerana ia menggalakkan daya saing negara secara sihat.

Dalam menyuburkan daya dan budaya inovasi dan kreativiti ini, ukuran seperti bekerja secara berpasukan dengan penuh integriti dilihat sebagai aspek penting dalam membantu sesebuah organisasi berada dalam skor cemerlang. Sewajarnya, budaya dan cara sebegini tiada titik noktah.


Majlis menyahut usaha untuk memperkasakan dan membudayakan daya inovatif dan kreativiti dalam aspek pengurusan dan teknikal.

Usaha pemupukan daya inovasi dalam kalangan penjawat awam merupakan langkah yang perlu dikehendapkan dan diambil positif oleh setiap kakitangan awam. Menyahut usaha untuk memperkasakan dan membudayakan daya inovatif dan kreativiti dalam aspek pengurusan dan teknikal. Usaha setiap jabatan/unit mengadakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) wajar dipuji.



Usaha pemupukan daya inovasi dalam kalangan penjawat awam merupakan langkah yang perlu dikehendapkan dan diambil positif oleh setiap

Usaha setiap jabatan/unit mengadakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) wajar dipuji.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA SEMAI TABIAT MEMBACA

PETALING JAYA

 ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
 abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis telah mengadakan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit / *Let's Read Together For 10 Minutes* yang telah diadakan untuk kali ke-6 sejak tahun 2014.

Program ini merupakan program yang diadakan secara serentak di seluruh Malaysia yang bertujuan untuk memastikan tabiat atau budaya membaca dalam kalangan masyarakat setanding dengan negara maju di dunia. Objektif program ini juga seiring dengan sokongan dan dengan seruan Kerajaan dalam menuju ke arah Dekad Membaca Kebangsaan 2030.

Selain itu, program ini juga turut mendorong masyarakat membaca, dimulai dengan langkah awal selama 10 minit dan diharapkan budaya membaca selama 10 minit ini dijadikan budaya

setiap hari dan sepanjang masa. Kerajaan juga telah mensasarkan Malaysia untuk menjadi negara maju dan salah satu indikator negara maju adalah kadar rakyatnya yang suka dan rajin membaca.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat memupuk dan menyemai minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sekali gus menjadikan perpustakaan awam negeri-negeri di seluruh negara relevan dan sangat dekat di hati masyarakat.



Gelanggang TEATER II Kota Seni PJ 2019

21-25 OGOS 2019
AUDITORIUM DEWAN SIVIK MBPJ

UNTUK PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI :
BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, SOSIAL DAN PELANCONGAN
TEL : 03-7957 1195

**JOM MEMERIAHKAN!!
TEMPAT DUDUK
TERHAD**

#kotasenipj



+603 7956 3544

+603 7958 1494

www.mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya




 pjcitycouncil



SUMBANGAN HARI RAYA ZON 19

TAMAN SRI AMAN, 25 MEI 2019 - Sebanyak 30 keluarga yang kurang berkemampuan daripada Flat Sri Aman telah menerima sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri yang telah disampaikan ADN Kg. Tunku, YB Pn. Lim Yi Wei dan Ahli Majlis Zon 19, En. Farhan Haziq Mohamed.



PROGRAM CABARAN PUASA 1 HARI

SS7, 26 MEI 2019 - Surau Naimah, SS7 telah menjadi tuan rumah meraikan peserta bukan Islam yang telah menyahut cabaran berpuasa 1 hari. Seramai 14 orang peserta terlibat diraikan dalam majlis berbuka puasa dan diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar.



SUMBANGAN KEPADA ASNAF

TAMAN MEDAN, 27 MEI & 1 JUN 2019 - Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan telah menganjurkan sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri kepada asnaf di Masjid Nurul Ehsan. Antara tetamu yang hadir, EXCO Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Hee Loy Sian. Seterusnya pada 1 Jun 2019 program yang sama telah berlangsung di Masjid Jumhuriyah, Taman Dato' Harun.



BUKA PUASA PPDKK BERSAMA BANK RAKYAT

PJS 1, 26 MEI 2019 - Jawatankuasa Pertubuhan dan Pemulihan Dalam Komuniti Kanagapuram (PPDKK) dan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menganjurkan majlis berbuka puasa dan sumbangan hari raya keluarga PPDKK bersama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia yang telah berlangsung di Dewan MBPJ PJS 1/35.



BERBUKA PUASA DAN MOREH ZON 4

PJU 3, 28 MEI 2019 - Bersempena dengan bulan Ramadan 1440H, Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan telah menganjurkan majlis berbuka puasa dan sumbangan duit raya kepada penduduk Apartment Damai dan Apartment Vista. Turut berlangsung acara penyampaian sumbangan baju melayu tajaan syarikat Jakel Trading Sdn. Bhd.



GOTONG-ROYONG KACAU DODOL

PJS 3, 1 JUN 2019 - Pejabat Ahli Majlis Zon 17 dengan kerjasama Persatuan Penduduk Desa Perangsang Blok A dan B telah mengadakan acara gotong-royong mengacau dodol di Blok A, Pangsapuri Desa Perangsang. Aktiviti telah bermula dari pukul 11.00 malam dan berakhir pada pukul 5.00 pagi.



SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI

TAMAN DATO' HARUN, 1 JUN 2019 - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada 100 orang penerima yang terdiri daripada warga emas dan ibu tunggal. Turut hadir Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan.



TINJAUAN ADUAN PENDUDUK

ARA DAMANSARA, 11 JUN 2019 - Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Setia, YB Tuan Halimey Abu Bakar dan Ahli Majlis Zon 4 turun padang meninjau aduan penduduk berkenaan penyelenggaraan dan pembersihan di perumahan Ara Atilia dan Alisia, Ara Damansara. Ia untuk mencari penyelesaian dan langkah pencegahan yang boleh diambil bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.

JADUAL KAUNTER EZ-PAY

PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan membuka kaunter bergerak EZ-Pay sepanjang bulan Julai 2019 bagi memudahkan orang awam untuk membuat pembayaran cukai atau kompaun di lokasi yang ditetapkan.

Berikut merupakan lokasi dan jadual kaunter EZ-Pay pada 1 hingga 31 Julai 2019:

BIL	TEMPAT	TARIKH	MASA
1	SD 12/1 (Berhampiran McDonald's dan Petron)	01.07.2019 - 07.07.2019 (Isnin - Ahad)	10.00 pagi hingga 3.00 petang
2	SD 2/1G (Berhampiran Kedai Tayar STH Auto Services Centre)	08.07.2019 - 14.07.2019 (Isnin - Ahad)	
3	Taman Megah, SS24 (Berhampiran Pasar Pagi)	15.07.2019 - 21.07.2019 (Isnin - Ahad)	
4	PJU 10, Damansara Damai (Berhampiran McDonald's dan stesen Minyak Shell)	22.07.2019 - 28.07.2019 (Isnin - Ahad)	
5	PJU7/16, Mutiara Damansara (Tepi Restoran Nasi Kukus Ilham)	29.07.2019 - 31.07.2019 (Isnin - Rabu)	

Untuk makluman, Kaunter Ibu Pejabat MBPJ juga turut dibuka pada setiap hari minggu pada bulan Julai 2019. Kaunter ibu pejabat akan beroperasi dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang.



PEMBERITAHUAN

LALUAN KONTRA DIBUKA DARI PUKUL 5.00 PETANG HINGGA 6.45 PETANG (KECUALI SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM)

Sekiranya cuaca hujan laluan kontra tersebut akan ditutup serta merta atas faktor keselamatan

Sebarang Pertanyaan Hubungi:

Jab. Kejuruteraan, MBPJ
Tel : 03-7958 4221

Hotline MBPJ
Tel : 03-7954 2020

* Sebarang perubahan / pindaan tertakluk kepada pihak Majlis



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkit



smartpj

BIL. 6/2019

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA

MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN BOLING LIGA PIALA DATUK BANDAR MBPJ EDISI KE-3, 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Kejohanan Boling Liga Piala Datuk Bandar MBPJ buat kali ke-3 yang menawarkan hadiah keseluruhan hampir RM120,000.00 untuk peserta boling bagi edisi kali ini.

Kejohanan ini diadakan di Wangsa Bowl @ One Utama bermula pada 27 Jun 2019, setiap hari Khamis jam 9.00 malam. Setiap pasukan akan bertanding selama 25 minggu atau 6 bulan yang dijangka berakhir pada 19 Disember 2019. Jumlah pasukan yang menyertai kejohanan ini adalah sebanyak 24 pasukan.

Juara pertandingan akan membawa pulang RM10,000.00 bersama piala pusingan serta piala iringan, naib juara pula akan membawa pulang wang tunai RM6,000.00 bersama piala iringan manakala pemenang tempat ketiga akan membawa pulang wang tunai RM4,000.00 bersama piala iringan. Bagi tempat ke-4 hingga ke-26 pula akan menerima hadiah saguhati berbentuk wang tunai dan baucar.

Selain itu, kejohanan boling ini turut menawarkan hadiah sampingan bagi kategori 'team high game' dan 'team hi series' yang bakal menerima hadiah berjumlah RM500.00 untuk peserta kumpulan. Manakala bagi kategori individu iaitu 'Ind Hi Game' (Men & Ladies) setiap peserta berpeluang memenangi wang tunai RM200.00 berserta peti sejuk mini. Bagi kategori 'Ind Hi Series' (men & ladies) pula akan menerima hadiah berjumlah RM200.00 dan telefon pintar Huawei Y9 2019.

Seperti tahun lalu, penganjur kejohanan juga akan memberikan hadiah *score exactly* kepada peserta kejohanan yang dapat melakukan markah jatuhan pin '251', '275'

dan '281' dengan menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM200.00, manakala bagi jatuhan pin '300' (perfect game) akan menerima sebuah motosikal jenama Modenas MR2.

Kejohanan ini menggunakan format kejohanan *trio* dan 3 *game* seorang. Setiap pasukan boleh mendaftar seramai 9 orang pemain. Setiap pasukan akan dikenakan deposit sebanyak RM200.00 dan akan dipulangkan selepas tamat kejohanan liga. Manakala yuran penyertaan akan dikenakan sebanyak RM300.00 dan yuran mingguan sebanyak RM90.00 bagi setiap pasukan. Selain itu, tempat letak kereta khas akan disediakan bagi setiap pasukan yang bertanding.

Kejohanan ini mendapat penajaan daripada Wangsa Bowl (selaku penganjur bersama), 100Plus, Palm Garden IOI Resort & Hotel dan Berjaya Mega Motor.

Majlis Perasmian Kejohanan Boling Liga Piala Datuk Bandar MBPJ Kali Ke-3 ini telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar.

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

